

PANDUAN RINGKAS MELAKSANAKAN SOLAT JUMAAT KETIKA BANJIR

Kewajipan Individu Melaksanakan Solat Jumaat

1. Setiap individu Muslim yang *mukallaf* **wajib** menunaikan solat fardu Jumaat dengan memelihara rukun-rukun dan syarat-syarat Jumaat sekiranya tidak terdapat halangan syari'e atau *masyaqqah* (kesukaran) untuk ke masjid;
2. Sekiranya terdapat halangan syari'e atau *masyaqqah* (kesukaran) untuk hadir ke masjid seperti ketiadaan pengangkutan atau arus air deras, maka hukum menunaikan solat Jumaat adalah **tidak wajib**. Walau bagaimanapun, mangsa banjir **wajib** menunaikan solat Zohor;

Masjid Untuk Melaksanakan Solat Jumaat

1. Sekiranya terdapat masjid berdekatan yang lazimnya dilaksanakan solat fardu Jumaat selamat daripada berlakunya banjir, maka hendaklah dilaksanakan solat fardu Jumaat dengan memelihara syarat sah solat, rukun solat dan perkara yang berkaitan solat;
2. Sekiranya masjid yang lazimnya didirikan solat fardu Jumaat tidak dapat digunakan, hendaklah dilaksanakan solat fardu Jumaat di surau atau mana-mana premis yang selamat dan bersesuaian yang berada dalam kariah setelah mendapat pandangan pihak berkuasa Agama;
3. Sekiranya semua kawasan di dalam kariah tersebut dilanda banjir, maka aktiviti berkumpul untuk melaksanakan solat fardu Jumaat **tidak diwajibkan** dan semua individu muslim yang *mukallaf* **wajib** menunaikan solat fardu Zohor.

Disediakan oleh:

Bahagian Fatwa

Jabatan Mufti Negeri Perak.